


Analisis Kepercayaan dan Amalan Pembelajaran Pelajar Terhadap Budaya Melayu dalam Pengajaran Bahasa Melayu di IAAS, Rusia

(The Analysis of Students' Beliefs and Learning Practices Towards Malay Culture in Malay Language Learning in IAAS, Russia)

Noor Zuhidayah Muhd Zulkipli^{1*}, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad²,
Shahlan Surat³

¹Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Email: zuhidayah@fbk.upsi.edu.my

²Pusat Kajian Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: munaruzanna@ukm.edu.my

³Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: drshahlan@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Noor Zuhidayah Muhd Zulkipli
(zuhidayah@fbk.upsi.edu.my)

KATA KUNCI:

Kepercayaan pelajar
Amalan pembelajaran budaya Melayu
Bahasa Melayu sebagai bahasa asing
Kompetensi komunikatif antara budaya

KEYWORDS:

Students' beliefs
Malay cultural learning practices
Malay as a foreign language
Intercultural communicative competence

CITATION:

Noor Zuhidayah Muhd Zulkipli, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad & Shahlan Surat. (2022). Analisis Kepercayaan dan Amalan Pembelajaran Pelajar Terhadap Budaya Melayu dalam Pengajaran Bahasa Melayu di IAAS, Rusia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7), e001603.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1603>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kepercayaan dan amalan pembelajaran pelajar terhadap budaya Melayu dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing berdasarkan kompetensi komunikatif antara budaya (KKAB). Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini dengan melibatkan soal selidik sebagai instrumen utama. Kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan untuk memilih sampel yang memenuhi kriteria bagi mencapai objektif kajian. Oleh itu, seramai 30 orang pelajar program Bahasa Melayu di Institute of Asian and African Studies (IAAS), Moscow State University, Rusia dipilih untuk dijadikan responden. Kajian ini turut menggunakan pendekatan kualitatif dengan melakukan temu bual bagi menyokong data kuantitatif. Lima orang pelajar terlibat sebagai peserta kajian. Kajian ini menunjukkan pelajar IAAS percaya bahawa aspek budaya Melayu adalah aspek penting dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Berdasarkan amalan pembelajaran budaya menurut kerangka KKAB, didapati pelajar IAAS lebih kerap melakukan amalan bagi membangunkan sikap antara budaya yang positif (min=3.65), berbanding amalan bagi membangunkan pengetahuan terhadap budaya Melayu (min=3.57) dan kemahiran mempraktikkan budaya Melayu (min=2.85). Dapatan kajian ini mengimplikasikan kepentingan pengajaran dan pembelajaran budaya Melayu terhadap kefahaman dan motivasi pelajar terhadap bahasa Melayu.

ABSTRACT

This study aimed to identify students' beliefs and learning

practices towards Malay culture in learning the Malay as a foreign language in abroad based on intercultural communicative competence (ICC). A quantitative approach was used in this study by involving a questionnaire as the main instrument. Purposive sampling was used to select a sample that meet the criteria outlined in this study. A total of 35 students from Malay Language program at the Institute of Asian and African Studies (IAAS), Moscow State University, Russia was selected as respondent. A qualitative approach also used in this study by conducting interviews. Five students were involved as participants. This study showed that IAAS students believe that the Malay cultural aspect is an important aspect in learning Malay as a foreign language. Based on cultural learning practices according to the KKAB framework, it was found that IAAS students more often practiced to develop positive intercultural attitudes (mean = 3.65), compared to practices to develop knowledge of Malay culture (mean = 3.57) and skills to practice Malay culture (mean = 2.85). The findings of this study implicate the importance of teaching and learning Malay culture on students' understanding and motivation towards Malay language.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang pada perspektif baharu berkenaan pembelajaran budaya Melayu dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Amalan pembelajaran terhadap budaya Melayu dapat membantu guru dan pelajar untuk melaksanakan pelbagai aktiviti budaya yang dapat membantu pelajar memahami, menghayati dan seterusnya dapat menggunakan bahasa Melayu dengan tepat pada konteks.

1. Pengenalan

Pengintegrasian aspek budaya dalam pendidikan bahasa asing bukanlah satu isu baharu, sebaliknya telah dibahaskan dan diperakui kepentingannya. Antara yang diperakui oleh para sarjana adalah budaya merupakan bahagian penting dan perlu diintegrasikan dalam pengajaran bahasa sejak awal proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Hal ini dapat dikaitkan dengan hubungan antara bahasa dengan budaya yang tidak dapat dipisahkan. [Rangriz dan Harati \(2017\)](#) menjelaskan bahawa setiap bahasa yang digunakan mempunyai makna dan makna ini sangat berkait dengan budaya serta masyarakat yang berlainan budaya dapat merujuk kepada perkara yang berbeza walaupun menggunakan bentuk bahasa yang sama. Hal ini menjelaskan bahawa budaya perlu difahami untuk memahami sesuatu bahasa.

Selain itu, [Kuo dan Lai \(2006\)](#) menjelaskan bahasa dan budaya sangat berkait rapat dan mempunyai kesan antara satu sama lain. Bahasa mempengaruhi budaya dan budaya juga mempengaruhi bahasa. Keadaan ini menyebabkan pengajaran bahasa perlu melibatkan aspek budaya, begitu juga sebaliknya. Penglibatan budaya dalam pengajaran bahasa dapat membantu pelajar untuk memahami makna dan berkomunikasi dengan penutur asli. Namun, jika aspek budaya tidak diintegrasikan dalam pengajaran bahasa, pelajar akan menjadi "*fluent fool*", iaitu tahu bertutur dalam bahasa asing tetapi tidak memahami budaya yang melatari bahasa tersebut ([Bennett, 1993](#)). Keadaan ini akan membawa kepada salah faham ketika berinteraksi dengan penutur asli dan ada kalanya

menyebabkan pihak lain terguris. Dalam hal ini, pelajar perlu memahami budaya sesuatu bahasa untuk berkomunikasi secara efektif. Pelajar juga perlu menyedari kepentingan memiliki pengetahuan budaya untuk memastikan penguasaan penuh terhadap bahasa.

Sehubungan dengan itu, untuk memastikan pelajar memiliki pengetahuan budaya adalah sangat penting untuk memastikan pelajar mempunyai kepercayaan terhadap penglibatan budaya dalam pengajaran bahasa. Kepercayaan seseorang terhadap sesuatu perkara perlu diketahui aspek ini memainkan peranan dalam mempengaruhi pemikiran dan tindakan seseorang terhadap sesuatu perkara (Kidwell, 2021). Kepercayaan turut menjadi dasar kepada amalan yang dilakukan oleh seseorang terhadap sesuatu perkara. Tegas Maijala (2020), kepercayaan terhadap budaya adalah signifikan terhadap amalan seseorang. Shirazi dan Shafiee (2017) turut menjelaskan bahawa amalan yang dilakukan seseorang merupakan terjemahan daripada kepercayaannya terhadap sesuatu perkara.

Berdasarkan kajian lepas, didapati kajian tentang kepercayaan dan amalan terhadap pengajaran budaya banyak dilakukan dalam konteks bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (*English as foreign language*, EFL). Kajian tersebut juga memfokuskan kepercayaan dan amalan guru terhadap pengajaran budaya berbanding kepercayaan dan amalan pembelajaran pelajar (Bandura & Sercu 2005; Gonen & Saglam, 2012; Chau & Truong, 2019b). Hal ini menunjukkan bahawa penglibatan budaya dalam pengajaran bahasa asing sering kali digalas kepada para guru, walhal pelajar turut berperanan mempelajari budaya bagi membantu kelancaran penguasaan bahasa yang dipelajarinya. Jelas Maryani dan Aguskin (2018), pembelajaran yang berpusatkan pelajar dapat membantu pelajar untuk lebih aktif dalam pembelajaran berbanding hanya menerima maklumat daripada guru.

Di samping itu, hasil kajian lepas juga menunjukkan para guru mempunyai kepercayaan yang sangat kuat terhadap kepentingan memasukkan aspek budaya dalam PdP bahasa asing (Fitriyah, 2020; Chau & Truong 2019a, Estaji & Rahimi, 2018). Walau bagaimanapun, kepercayaan ini tidak sepadan dengan amalan pengajaran terhadap aspek budaya. Dalam erti kata yang lain, walaupun guru mempercayai aspek budaya perlu diintegrasikan dalam PdP bahasa, namun aspek ini masih kurang diterapkan dalam pengajaran bahasa. Guru didapati kurang melibatkan aktiviti budaya semasa pengajaran bahasa. Hasil kajian lepas juga menunjukkan aspek ini hanya sekadar sampingan dan diterapkan pada bahagian tertentu. Fitriyah (2020) menegaskan bahawa hal ini bukan sahaja terjadi dalam pengajaran bahasa Inggeris, malahan bahasa asing yang lain seperti bahasa Jepun, India dan Korea.

Namun, bagi konteks bahasa Melayu sebagai bahasa asing (BMSBA), kajian seperti ini masih kurang mendapat perhatian. Walaupun bahasa Melayu telah menjadi salah satu program yang ditawarkan sebagai bahasa asing di luar negara, namun kepercayaan dan amalan pembelajaran terhadap pengintegrasian budaya masih tidak dikaji. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengkaji kepercayaan pelajar terhadap penglibatan aspek budaya dalam pengajaran bahasa Melayu dan amalan pembelajaran pelajar terhadap budaya Melayu semasa mempelajari bahasa Melayu di luar negara. Kajian ini dapat memberikan gambaran dan maklumat tentang kepercayaan pelajar terhadap penglibatan budaya Melayu dan amalan yang dilakukan oleh pelajar terhadap budaya Melayu.

1.1. Objektif

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kepercayaan dan amalan pelajar terhadap pembelajaran budaya Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Berdasarkan tujuan ini, dua objektif kajian dibentuk, iaitu:

- i. Mengkaji kepercayaan pelajar terhadap penglibatan aspek budaya dalam PdP bahasa Melayu sebagai bahasa asing.
- ii. Menganalisis tahap amalan pembelajaran pelajar terhadap budaya Melayu dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing berdasarkan kerangka Kompetensi Komunikatif Antara Budaya (KKAB).

2. Sorotan Literatur

2.1. Konsep Budaya

Budaya merupakan satu konsep yang luas dan terdapat pelbagai definisi yang diberikan bagi menjelaskan budaya. Antaranya, budaya dirujuk sebagai ciri sekumpulan masyarakat yang ditentukan dari segala aspek seperti bahasa, agama, makanan, tabiat, muzik dan kesenian. Budaya juga ditakrifkan sebagai kepercayaan, nilai, cara masyarakat berfikir dan menanggapi dunia dan kehidupan (Choudhury, 2014). Mahmoud (2015) pula menjelaskan budaya sebagai satu konsep yang luas dengan banyak implikasi melibatkan kepercayaan, prinsip, corak tingkah laku, tabiat dan kesemua perkara yang dilakukan. Budaya merangkumi keseluruhan kehidupan manusia seperti pengetahuan, kesenian, tradisi, sejarah, agama, adat, norma dan nilai. Menurut Kovács (2017) pula, budaya melibatkan bahasa, pemikiran, kepercayaan, adat, pantang larang (tabu), kod, institusi, peralatan, teknik, kerja seni, ritual, perayaan dan komponen budaya yang lain. Berdasarkan definisi yang telah dikemukakan, jelas bahawa budaya merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia dari segi pemikiran, tingkah laku dan produk yang dihasilkan serta digunakan dalam kehidupan seharian.


2.2. Kerangka Teori

Kajian ini dilaksanakan dengan mengadaptasikan kerangka Kompetensi Komunikatif Antara Budaya (KKAB) atau lebih dikenali *Intercultural Communicative Competence* (ICC). KKAB pada awalnya diperkenalkan oleh Byram (1997) dengan melibatkan lima *saviors* (pengetahuan), iaitu *savoir être* (pengetahuan tentang sikap), *savoirs* (pengetahuan), *savoir comprendre* (kemahiran untuk menginterpretasikan dan menghubungkan), (4) *savoir apprendre/faire* (kemahiran untuk meneroka dan berinteraksi) dan *savoir s'engager* (kesedaran budaya kritis). Kelima-lima elemen ini saling berkaitan dan diperlukan dalam memastikan pelajar menjadi penutur antara budaya (*intercultural, IC*).

Menurut Byram et al. (1997), terdapat empat tujuan utama membangunkan KKAB dalam kalangan pelajar. Antaranya, memberikan kompetensi antara budaya selari dengan kompetensi linguistik, menyediakan pelajar untuk berinteraksi dengan komuniti bahasa tersebut, membenarkan pelajar memahami dan menerima komuniti yang berlainan budaya sebagai individu yang mempunyai perspektif, nilai dan tingkah laku yang berbeza serta membantu pelajar melihat interaksi tersebut sebagai satu pengalaman yang memperkayakan pengetahuan.

Seterusnya, [Fantini dan Tirmizi \(2006\)](#) mengemukakan kerangka KKAB dengan empat komponen, iaitu pengetahuan, sikap, kemahiran dan kesedaran) seperti dalam [Rajah 1](#). Komponen pertama, iaitu pengetahuan antara budaya, AB (IC *knowlegde*) kefahaman tentang budaya lain, kemahiran antara budaya (IC *skills*) pula merujuk kepada keupayaan melibatkan diri dalam konteks antara budaya, manakala sikap antara budaya (IC *attitudes*) merujuk kepada keterbukaan terhadap perbezaan dan kesedaran antara budaya (IC *awareness*) merujuk kepada perasaan terhadap diri dalam hubungan dengan orang lain.

Rajah 1: Kompetensi Komunikatif Antara Budaya



Sumber: [Fantini dan Tarmizi \(2006\)](#)

Berdasarkan kerangka ini, hanya tiga komponen KKAB yang dikaji, iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap, manakala kesedaran antara budaya dikecualikan kerana melibatkan memerlukan penelitian yang lebih mendalam. Hal ini juga kerana kajian ini hanya memfokuskan KKAB sebagai satu proses dan bukan hasil. Hal ini bermaksud komponen-komponen ini diteliti sebagai amalan yang dilakukan oleh pelajar untuk mempelajari budaya Melayu seperti pengetahuan (amalan mencari maklumat tentang budaya), kemahiran (amalan mempraktikkan budaya) dan sikap (amalan bagi membangunkan sikap positif terhadap budaya). Komponen KKAB ini dapat menjelaskan amalan pelajar terhadap pembelajaran budaya Melayu dengan lebih komprehensif.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dengan mengaplikasikan pendekatan kuantitatif. Menurut [Creswell dan Creswell \(2018\)](#), reka bentuk tinjauan dapat memberikan penerangan deskriptif tentang sesuatu trend, sikap dan pandangan sesebuah populasi. Reka bentuk ini sesuai digunakan dalam kajian ini kerana tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti amalan pembelajaran budaya Melayu dalam kalangan pelajar. Oleh itu, reka bentuk ini dapat menunjukkan secara numerikal tentang trend amalan pelajar terhadap budaya Melayu dalam populasi yang dikaji. [Fuad Mohamed Berawi \(2017\)](#) menjelaskan bahawa pendekatan ini wajar digunakan untuk melaporkan hasil kajian dalam bentuk penomboran. Kajian ini turut menggunakan pendekatan kualitatif dengan menjalankan temu bual. Hasil temu bual ini dapat menyokong dan memperkukuhkan dapatan yang diperolehi daripada kuantitatif.

3.1. Pensampelan

Pensampelan merupakan kaedah pemilihan sampel kajian bagi mendapatkan maklumat tentang sesuatu perkara (Fuad Mohamed Berawi, 2017). Maklumat daripada sampel ini boleh digunakan untuk merumuskan sesuatu trend dalam populasi yang diwakili oleh sampel berkenaan. Pensampelan perlu dilakukan terlebih dahulu untuk membantu kajian memperoleh data yang menggambarkan trend yang berlaku dalam populasi yang diwakili sampel kajian. Setelah mengambil kira kriteria yang diperlukan bagi mendapatkan maklumat yang tepat tentang populasi yang dikaji, kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan bagi memilih sampel kajian. Menurut Fuad Mohamed Berawi, (2017), pensampelan bertujuan atau dikenali sebagai *purposive sampling* atau merupakan satu prosedur pensampelan yang hanya melibatkan sekumpulan sampel yang mempunyai kriteria tertentu. Hal ini bermaksud sampel dipilih berdasarkan beberapa kriteria atau ciri yang telah ditentukan bagi memenuhi objektif kajian. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini pemilihan sampel dilakukan berdasarkan kriteria tertentu seperti memilih pelajar yang mengikuti program Bahasa Melayu sebagai program major dan telah menjalani pengajian selama setahun. Kajian ini dilaksanakan dengan mengadaptasikan kerangka Kompetensi Komunikatif Antara Budaya

3.2. Responden Kajian

Seramai 30 orang pelajar program Bahasa Melayu di Institute of Asian and African Studies, Moscow State University, Rusia yang dikenali sebagai IAAS dipilih menjadi responden untuk kajian ini. Pelajar ini terdiri daripada pelajar ijazah sarjana muda tahun kedua dan ke atas. Hal ini bermaksud pelajar telah mempunyai pengalaman pembelajaran bahasa Melayu selama setahun. Oleh sebab kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan, maka keseluruhan sampel yang terdapat dalam populasi dipilih sebagai responden kajian. Hal ini kerana jumlah sampel yang kecil dan kaedah yang paling baik untuk memilih responden adalah menggunakan *total population sampling* (TPS). Jelas Etikan et al. (2016) TPS atau jumlah populasi pensampelan merujuk kepada pemilihan keseluruhan populasi yang mempunyai kriteria tertentu. Hal ini bermaksud kajian mengambil keseluruhan populasi yang mempunyai semua kriteria yang diperlukan khususnya dalam kes yang mempunyai bilangan sampel yang sedikit. Kajian ini turut menggunakan teknik pensampelan yang sama dalam pemilihan peserta kajian bagi temu bual. Lima orang pelajar daripada jumlah ini juga turut terlibat dalam temu bual sebagai peserta kajian bagi mendapatkan data sokongan.

3.3. Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama kajian, manakala protokol temu bual digunakan untuk mengutip data kualitatif. Soal selidik dalam kajian ini diadaptasi dan diubah suai daripada soal selidik yang dibangunkan oleh Shirazi dan Shafiee (2017) dan Chau dan Truong (2019a). Terdapat tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Jadual 1 menunjukkan inventori soal selidik yang digunakan dalam kajian ini.

Di samping itu, satu kajian rintis telah dilaksanakan bagi mendapatkan kebolehpercayaan instrumen. Analisis yang dijalankan mendapati nilai kebolehpercayaan, *Cronbach Alpha* bagi kepercayaan terhadap penglibatan budaya Melayu dalam PdP bahasa Melayu, adalah 0.56, manakala bagi amalan pembelajaran terhadap budaya Melayu, 0.82. Walaupun item bagi kepercayaan memperoleh nilai

Cronbach Alpha yang agak rendah, namun item ini masih diterima. Hal ini kerana *Cronbach Alpha* agak sensitif dengan bilangan item yang kurang daripada 10 item (Pallant, 2011). Kajian ini turut menggunakan protokol temu bual bagi menjalankan sesi temu bual bersama peserta kajian. Protokol temu bual dibina berdasarkan item yang terdapat dalam soal selidik.

Jadual 1: Inventori soal selidik

Bahagian	Kategori	Bil. Item	Item
A	Demografi responden kajian	3	Jantina, negara asal, bahasa ibunda
B	Kepercayaan terhadap penglibatan budaya Melayu dalam PdP bahasa Melayu	5	A1, A2, A3, A4, A5
C	Amalan pembelajaran terhadap budaya Melayu	15	B1, B2, B3, B4, B5, B6, B7, B8, B9, B10, B11, B12, B13, B14, B15

4. Hasil Kajian

Kajian ini dijalankan di Institute of Asian and African Studies, Moscow State University, Rusia. Kajian ini terdiri daripada 30 orang responden, iaitu 10 (33.3%) pelajar lelaki dan 20 (66.7%) pelajar perempuan. Responden juga terdiri daripada pelajar yang berasal dari Rusia dan menggunakan bahasa Rusia sebagai bahasa pertama semasa berkomunikasi. [Jadual 2](#) menunjukkan demografi responden yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 2: Demografi responden kajian

Item	Keterangan	Kuantiti	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	10	33.3
	Perempuan	20	66.7
Negara asal	Rusia	30	100.0
	Lain-lain		
Bahasa ibunda	Rusia	30	100.0

Berdasarkan demografi responden, dapat disimpulkan bahawa kesemua responden terdiri daripada pelajar yang berlainan budaya dengan budaya Melayu kerana semua pelajar berasal dari Rusia. Latar belakang ini membawa kepada keperluan mempelajari budaya Melayu dalam mempelajari bahasa Melayu kerana bahasa dilatari oleh budaya. Justeru, pelajar yang berlainan budaya perlu memahami budaya Melayu untuk menguasai bahasa Melayu dan menggunakan bahasa Melayu dengan lebih berkesan.

4.1. Kepercayaan Pelajar Terhadap Penglibatan Budaya Melayu dalam PdP Bahasa Melayu

Kepercayaan pelajar terhadap penglibatan budaya Melayu dalam PdP bahasa Melayu merupakan aspek yang penting dan perlu diketahui terlebih dahulu sebelum mengkaji aspek lain. Dalam kajian ini, kepercayaan pelajar dikaji berdasarkan lima item, iaitu item A1, A2, A3, A4 dan A5. Analisis bahagian ini melibatkan skala Likert 3 mata, iaitu 1 - tidak, 2 - tidak pasti dan 3 - ya. [Jadual 3](#) menunjukkan analisis deskriptif bagi kesemua item.

Jadual 3: Kepercayaan pelajar terhadap penglibatan budaya Melayu dalam PdP bahasa Melayu

Item	Skala			Min	Sisihan piawai
	T	TP	Y		
A1. Aspek budaya merupakan aspek penting dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing	0	0	30 (100.0)	4.80	0.61
A2. Penglibatan budaya Melayu meningkatkan minat terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing.	0	5 (16.7)	25 (83.3)	4.40	0.77
A3. Penglibatan budaya Melayu meningkatkan motivasi terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing.	0	6 (20.0)	24 (80.0)	4.40	0.77
A4. Penglibatan budaya Melayu meningkatkan kefahaman terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing.	0	6 (20.0)	24 (80.0)	4.57	0.82
A5. Penglibatan budaya Melayu meningkatkan penguasaan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa asing.	0	6 (20.0)	24 (80.0)	4.57	0.82
Min keseluruhan				4.55	

Berdasarkan analisis yang dilakukan kesemua pelajar didapati mempercayai bahawa aspek budaya merupakan aspek penting dalam pembelajaran BMSBA, iaitu skor min=4.80. Dapatan ini turut disokong dengan hasil temu bual. Antara contoh petikan temu bual yang menyatakan hal ini adalah seperti berikut,

“Saya rasa sangat penting untuk belajar budaya apabila belajar bahasa kerana tanpa belajar budaya saya tidak akan tahu bahasa secara mendalam. Jadi, adalah sangat penting untuk mempelajari budaya Melayu.” (PK5B11)

“Saya rasa bahawa belajar budaya Melayu sangat penting untuk memahami budaya dan negara bahasa yang dipelajari dan bukan hanya belajar bahasa sahaja.” (PK7B12)

Hasil temu bual tersebut jelas menunjukkan pelajar mempercayai bahawa aspek budaya Melayu sangat penting dalam PdP bahasa Melayu. Pelajar menyatakan bahawa aspek budaya perlu dipelajari untuk mengetahui dan memahami bahasa Melayu dengan lebih mendalam. Pelajar juga menyatakan pembelajaran bahasa bukan sekadar belajar bahasa tetapi perlu memahami budaya dan negara bahasa tersebut. Selain itu, analisis juga mendapati empat item lain berkaitan kepercayaan pelajar, iaitu A2, A3, A4 dan A5 turut memperoleh skor min yang tinggi antara 4.47 hingga 4.50. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelajar Rusia percaya bahawa aspek budaya Melayu dapat membantu pelajar dari segi minat, motivasi, kefahaman dan penguasaan bahasa Melayu. Dapatan ini turut disokong dengan hasil temu bual yang dapat dilihat dalam contoh berikut,

“Ya, saya yakin budaya Melayu dapat membantu saya memahami bahasa Melayu kerana ada kerana ada perkataan tertentu mengenai ciri-ciri budaya Melayu misalnya nama makanan, nama hari raya dan lain-lainnya.” (PK1B28)

“Bagus seperti saya kata kerana ia membantu saya memahami bahasa Melayu dan menggunakan ia dengan betul. Untuk belajar bahasa, kita perlu belajar budaya.”
(PK4B92)

“Ya saya dapat menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik sebab saya dapat banyak perbendaharaan kata.” (PK5B79)

“Ya, sudah tentu dapat menguasai bahasa Melayu sebab sesetengah ayat kita tidak dapat faham tanpa memahami budaya Melayu walaupun anda tahu setiap perkataan tetapi anda tidak akan dapat rasa.” (PK7B67)

Berdasarkan dapatan temu bual ini, jelas bahawa pelajar Rusia mempunyai kepercayaan yang positif terhadap penglibatan budaya Melayu dalam PdP bahasa Melayu. Pelajar yakin dengan penglibatan aspek ini dapat meningkatkan minat, motivasi, kefahaman dan penguasaan terhadap bahasa Melayu. Oleh yang demikian, aspek budaya Melayu sangat penting dan perlu dititikberatkan dalam PdP bahasa Melayu khususnya dalam konteks BMSBA.

4.2. Amalan pembelajaran terhadap budaya Melayu

Bagi menjawab persoalan kajian kedua, analisis deskriptif turut digunakan dengan melihat kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi setiap item. Terdapat 15 item yang melibatkan tiga amalan utama pembelajaran budaya, iaitu amalan membangunkan pengetahuan terhadap budaya Melayu, amalan membangunkan kemahiran mempraktikkan budaya Melayu dan amalan membangunkan sikap yang positif terhadap budaya Melayu. Analisis bagi amalan ini dapat dilihat seperti dalam [Jadual 4](#).

Jadual 4: Analisis amalan pembelajaran budaya Melayu dalam kalangan pelajar Rusia (n=30)

Item	Kenyataan	TP	J	K	S	SK	Min	Interpretasi/ Sisihan piawai
K1	AMALAN MEMBANGUNKAN PENGETAHUAN						3.57	Tinggi
B1	Mendengar kuliah tentang budaya Melayu	0	4 (13.3)	4 (13.3)	13 (43.3)	9 (30.0)	3.90	0.99
B2	Membaca buku yang mengandungi bahan budaya Melayu	1 (3.3)	1 (3.3)	5 (16.7)	7 (23.3)	16 (53.3)	4.20	1.06
B3	Membaca bahan sastera Melayu	1 (3.3)	5 (16.7)	9 (30.0)	8 (26.7)	7 (23.3)	3.50	1.14
B4	Mendengar program radio Melayu	11 (36.7)	5 (16.7)	8 (26.7)	3 (10.0)	3 (10.0)	2.40	1.35
B5	Menonton filem Melayu	1 (3.3)	6 (20.0)	8 (26.7)	7 (23.3)	8 (26.7)	3.50	1.20
B6	Menggunakan <i>Internet</i> seperti YouTube, Facebook, Instagram dan	1 (3.3)	2 (6.7)	6 (20.0)	10 (33.3)	11 (36.7)	3.93	1.08

Twitter untuk mencari maklumat tentang budaya Melayu								
K2	AMALAN MEMBANGUNKAN KEMAHIRAN MEMPRAKTIKKAN BUDAYA MELAYU						2.85	Sederhana
B7	Berbincang tentang isu semasa di Malaysia	0	1 (3.3)	11 (36.7)	8 (26.7)	10 (33.3)	3.90	0.92
B8	Melakukan kajian tentang budaya Melayu	3 (10.0)	7 (23.3)	4 (13.3)	5 (16.7)	11 (36.7)	3.47	1.45
B9	Bertutur dengan penutur asli bahasa Melayu	0	10 (33.3)	6 (20.0)	4 (13.3)	10 (33.3)	3.47	1.28
B10	Melakukan main peranan menggunakan bahasa Melayu	10 (33.3)	11 (36.7)	8 (26.7)	1 (3.3)	0	2.00	0.87
B11	Mengadakan aktiviti berasaskan budaya Melayu	8 (26.7)	9 (30.0)	6 (20.0)	5 (16.7)	2 (6.7)	2.47	1.25
B12	Melancong ke Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei dan Selatan Thailand	13 (43.3)	10 (33.3)	7 (23.3)	0	0	1.80	0.81
K3	AMALAN MEMBANGUNKAN SIKAP POSITIF						3.65	Tinggi
B13	Membandingkan budaya Melayu dengan budaya sendiri	2 (6.7)	1 (3.3)	9 (30.0)	8 (26.7)	10 (33.3)	3.77	1.17
B14	Menggunakan gambar dan alat bantuan visual untuk menghayati budaya Melayu	0	0	8 (26.7)	9 (30.0)	13 (43.3)	4.17	0.84
B15	Menghias kelas dengan gambar, poster, bunting, peta, kad, menu dan lain-lain berkaitan budaya Melayu.	6 (20.0)	6 (20.0)	7 (23.4)	4 (13.3)	7 (23.4)	3.00	1.46
Min keseluruhan							3.30	Sederhana

Berdasarkan [Jadual 4](#), didapati min keseluruhan bagi tiga komponen amalan pembelajaran budaya Melayu adalah 3.30. Hal ini menunjukkan amalan pembelajaran pelajar Rusia terhadap budaya Melayu berada pada tahap sederhana. Analisis juga menunjukkan K3, iaitu amalan membangunkan sikap positif terhadap budaya Melayu memperoleh skor min yang paling tinggi, iaitu 3.65 berbanding K1, amalan membangunkan pengetahuan terhadap budaya Melayu (min=3.57) dan K2, amalan mempraktikkan budaya Melayu (min=2.85). Hal ini menjelaskan bahawa pelajar Rusia lebih kerap melakukan aktiviti bagi membangunkan sikap positif terhadap budaya Melayu dalam mempelajari bahasa Melayu.

Antara aktiviti yang dilakukan pelajar Rusia bagi membangunkan sikap positif terhadap budaya Melayu, adalah B14, menggunakan gambar dan alat bantuan visual untuk menghayati budaya Melayu (min=4.17) dan B13, membandingkan budaya Melayu dengan budaya sendiri (min=3.77). Hal ini turut disokong dengan hasil temu bual yang menunjukkan pelajar Rusia melakukan pelbagai aktiviti untuk membangunkan sikap positif terhadap budaya Melayu. Antara petikan temu bual yang menyatakan hal ini adalah seperti berikut,

“Biasanya saya cari gambar berkaitan budaya Melayu. Jadi, saya cari di Internet, saya Google sama ada dalam bahasa Inggeris, bahasa Melayu.” PK2B104

“Dalam kelas, kami belajar budaya menggunakan buku dan Internet, YouTube atau kami cari beberapa gambar di Google.” PK5B60

“Dan membandingkan budaya Melayu dengan budaya Rusia dengan menganalisis filem, bagaimana orang Melayu bertingkah laku dan bertindak berdasarkan sesuatu situasi.” PK7B61

Di samping itu, lima daripada enam aktiviti bagi amalan membangunkan pengetahuan terhadap budaya Melayu juga memperoleh skor yang tinggi. Antara aktiviti yang memperoleh skor min tertinggi, adalah B2, membaca buku yang mengandungi bahan budaya Melayu (min=4.20). Hal ini disokong dengan hasil temu bual seperti berikut,

“Saya memuat turun enam ke sepuluh buku mengandungi pelbagai aspek budaya Melayu. Ada beberapa buku dalam bahasa Inggeris dan sesetengah dalam bahasa Rusia. Kalau saya boleh baca dalam bahasa Melayu, saya lebih cenderung pilih bahasa Melayu.” PK3B53

“Saya membaca tentang aspek budaya Melayu dalam buku.” PK5B74

“Biasanya saya baca buku tentang budaya Melayu.” PK7B45

“Paling banyak saya membaca buku tentang budaya Melayu.” PK7B51

Hasil kajian juga menunjukkan empat aktiviti lain bagi K1 turut memperoleh skor min yang tinggi, iaitu B6, menggunakan Internet seperti YouTube, Facebook, Instagram dan Twitter untuk mencari maklumat tentang budaya Melayu (min=3.93), B1, mendengar kuliah tentang budaya Melayu (min=3.90), membaca bahan sastera Melayu dan menonton filem Melayu dengan masing-masing memperoleh min, 3.50. Antara petikan temu bual yang menyokong data ini, adalah seperti berikut,

“Saya belajar melalui Internet terutamanya.” PK1B68

“Saya Google sahaja. Saya sering mencari resipi makanan Melayu.” PK1B93

“Ya, saya melayari Internet dan YouTube.” PK1B101

“Saya biasanya menggunakan Internet untuk mencari maklumat mengenai budaya Melayu.” PK3B93

“Kami tonton gambar-gambar dari Malaysia, video dengan tari, lagu, tonton filem Hang Tuah, Madu Tiga, Sepet, Puteri Gunung Ledang.” PK1B158

Seterusnya, bagi K2, amalan mempraktikkan budaya Melayu tiga aktiviti yang memperoleh skor min tinggi, iaitu B6, berbincang tentang isu semasa di Malaysia (min=3.90), B7, melakukan kajian tentang budaya Melayu dan B8, bertutur dengan penutur asli bahasa Melayu dengan masing-masing 3.47. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar Rusia kerap melakukan aktiviti ini bagi mempraktikkan budaya Melayu. Walau bagaimanapun, hasil temu bual menunjukkan item B6 dan B7 ini tidak dinyatakan oleh pelajar semasa temu bual, sebaliknya pelajar menyatakan mereka berbincang tentang maklumat yang diperoleh bersama guru seperti dalam petikan temu bual berikut,

“Kami menyemak dan berbincang tentang maklumat yang diperoleh bersama Cikgu kami.” PK4B72

Bagi item B8, didapati pelajar cuba melakukan aktiviti ini apabila bersama orang Malaysia dan ketika bersama guru. Petikan temu bual berikut dapat menjelaskan hal ini,

“Ketika berjumpa orang Melayu di stesen kereta api, saya dengar bahasa Melayu dan saya pergi ke mereka dan saya akan cuba bersembang dengan mereka. Dari situ kami mula bersembang dan berkenalan.” PK4B38

“Sekarang saya scuba berborak dengan orang Malaysia menggunakan bahasa Melayu.” PK4B67

“Paling banyak saya bercakap dengan guru kami.” PK7B51

Berdasarkan petikan temu bual tersebut, jelas bahawa pelajar melakukan aktiviti bertutur ketika berkomunikasi dengan orang Malaysia dan guru. Aktiviti ini perlu dilakukan oleh pelajar untuk meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu dan menikmati interaksi sebenar apabila berkomunikasi dengan orang Melayu.

Selain itu, hasil kajian ini juga mendapati terdapat empat aktiviti yang kurang dan jarang dilakukan oleh pelajar Rusia. Antaranya, item B15, menghias kelas dengan gambar, poster, bunting, peta, kad, menu dan lain-lain berkaitan budaya Melayu dengan skor min pada tahap sederhana, 3.00, manakala item B9, melakukan main peranan menggunakan bahasa Melayu (min=2.40) dan B10, mengadakan aktiviti berasaskan budaya Melayu (min=2.47) berada pada tahap rendah dan item B11, melancong ke Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei dan Selatan Thailand memperoleh skor min paling rendah, 1.80. Hasil temu bual pula mendapati aktiviti berasaskan budaya Melayu seperti memasak masakan Melayu dan melancong ke Malaysia ada dinyatakan oleh pelajar. Contoh petikan temu bual adalah seperti berikut,

“Saya sering mencari resipi makanan Melayu dan sering mencuba memasak. Sekarang, saya pandai memasak sambal, nasi lemak dan nasi goreng. Saya juga sedang belajar cara membuat laksa.” PK1B93

“Saya melawat Kuala Lumpur sahaja pada kali pertama. Pada kali kedua dan ketiga, saya melawat beberapa tempat lain selain Kuala Lumpur.” PK1B33

Berdasarkan hasil temu bual ini, jelas aktiviti ini masih kurang dilakukan oleh pelajar Rusia kerana hanya seorang sahaja yang melaporkan aktiviti ini. Dapatan temu bual ini menunjukkan aktiviti ini kurang dilakukan dalam kalangan pelajar Rusia. Hal ini dapat dikaitkan dengan usaha, tenaga dan kewangan yang perlu diperuntukkan bagi menjalankan aktiviti ini berbanding dengan aktiviti lain yang lebih mudah dilakukan dalam kehidupan seharian.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa aktiviti membangunkan sikap yang positif terhadap budaya Melayu lebih kerap dilakukan oleh pelajar Rusia berbanding membangunkan pengetahuan dan kemahiran terhadap budaya Melayu. Hal ini menjelaskan bahawa aktiviti bagi membangunkan sikap yang positif terhadap budaya Melayu lebih dititikberatkan pelajar Rusia dalam mempelajari bahasa dan budaya Melayu. Analisis juga menunjukkan pelajar Rusia juga turut melakukan aktiviti bagi membangunkan pengetahuan terhadap budaya Melayu, manakala aktiviti membangunkan kemahiran kurang dilakukan oleh pelajar. Kesimpulannya, pelajar Rusia melakukan pelbagai aktiviti untuk mempelajari budaya Melayu dengan melibatkan aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap.

5. Perbincangan Kajian

Kajian ini menunjukkan tahap kepercayaan pelajar terhadap penglibatan budaya Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dan amalan pelajar terhadap pembelajaran budaya Melayu. Berdasarkan analisis yang dilakukan, didapati pelajar IAAS, Rusia mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap penglibatan budaya Melayu dalam PdP bahasa Melayu. Pelajar percaya bahawa aspek ini penting dan perlu dipelajari bersama bahasa Melayu kerana hubungan yang kuat antara kedua-dua aspek. Aspek budaya juga membantu pelajar untuk lebih memahami bahasa Melayu dengan lebih baik. Dapatan ini selari dengan dapatan [Chau dan Truong \(2019b\)](#) yang mendapati guru mempunyai kepercayaan yang positif terhadap penglibatan budaya dalam PdP bahasa.

Selain itu, hasil kajian ini mendapati amalan membangunkan sikap antara budaya yang positif lebih kerap dilakukan oleh pelajar IAAS berbanding membangunkan pengetahuan terhadap budaya Melayu dan amalan bagi membangunkan kemahiran mempraktikkan budaya Melayu. Dapatan ini bertentangan dengan hasil kajian [Chau dan Truong \(2019a\)](#) yang mendapati amalan yang sering dilakukan adalah amalan yang berpusatkan guru, membangunkan pengetahuan dan bergantung pada guru. Sebaliknya, kajian ini menunjukkan usaha dan sikap berdikari pelajar dalam mempelajari budaya Melayu. Hasil kajian ini turut menunjukkan dapatan baharu tentang amalan yang dilakukan oleh pelajar dalam mempelajari budaya Melayu berbanding kebanyakan kajian lepas yang memfokuskan amalan pengajaran guru terhadap budaya.

Di samping itu, hasil kajian ini jelas memperkukuhkan dapatan kajian lepas berkenaan amalan dan kepercayaan yang tidak bergerak seiring ([Gonen & Saglam, 2012](#); [Chau & Truong, 2019a](#); [Chau & Truong, 2019b](#)). Hasil kajian mendapati walaupun tahap kepercayaan pelajar terhadap penglibatan budaya Melayu dalam PdP bahasa Melayu sangat tinggi, namun dari aspek amalan pembelajaran terhadap budaya Melayu masih berada pada tahap sederhana. Hal ini menjelaskan bahawa kepercayaan yang tinggi

terhadap budaya Melayu tidak mengimplikasikan kekerapan amalan mempelajari budaya Melayu dalam kalangan pelajar IAAS.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pelajar IAAS mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap penglibatan budaya Melayu dalam PdP bahasa Melayu. Pelajar mempercayai bahawa aspek budaya perlu diterapkan bersama pengajaran bahasa Melayu. Hal ini dapat membantu pelajar untuk memahami dan menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik. Penglibatan budaya juga dipercayai dapat meningkatkan minat dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Kajian juga mendapati terdapat pelbagai amalan yang dilakukan oleh pelajar IAAS untuk mempelajari budaya Melayu dan amalan ini melibatkan amalan membangunkan sikap antara budaya yang positif, amalan membangunkan pengetahuan terhadap budaya Melayu dan amalan bagi membangunkan kemahiran mempraktikkan budaya Melayu. Amalan pembelajaran budaya Melayu juga perlu diberi perhatian agar pelajar dapat menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik. Pembelajaran budaya Melayu sangat penting untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai kompetensi komunikatif antara budaya seterusnya dapat menggunakan bahasa Melayu dengan tepat pada konteksnya. Oleh yang demikian, aspek budaya Melayu perlu diterapkan dalam PdP bahasa Melayu dan tidak boleh diabaikan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada pensyarah dan pelajar di Institute of Asian and African Studies (IAAS), Moscow State University, Rusia atas kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh kutipan data.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan dan bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis dan rakan penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan berkenaan penulisan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Bandura, E., & Sercu, L. (2005). Culture teaching practices. In *Foreign Language Teachers and Intercultural Competence* (pp. 75–89). Multilingual Matters. <http://bookfi.net/book/1161984>
- Bennett, M. J. (1993). How not to be a fluent fool: understanding the cultural dimension of language. *The Language Teacher*, 27(9), 16–21.
- Byram, M. (1997). *Teaching and Assessing Intercultural Communicative Competences*. Multilingual Matters.
- Byram, M., Gribkova, B., & Starkey, H. (1997). Developing the Intercultural Dimension in Language Teaching: A Practical Introduction for Teachers. In *Council of Europe*,

Language Policy Division.

- Chau, T. H. H., & Truong, V. (2019a). Integrating culture into EFL teaching behind classroom doors: A case study of upper secondary teachers in Vietnam. *VNU Journal of Foreign Studies*, 35(1), 55–67. <https://doi.org/10.25073/2525-2445/vnufs.4337>
- Chau, T. H. H., & Truong, V. (2019b). The integration of intercultural education into teaching English: What Vietnamese teachers do and say. *International Journal of Instruction*, 12(1), 441–456. <https://doi.org/10.29333/iji.2019.12129a>
- Choudhury, R. U. (2014). The role of culture in teaching and learning of English as a foreign language. *Express, an International Journal of Multi Disciplinary Research*, 1(4), 2348–2052. https://doi.org/http://express-journal.com/pdf/april14issue4/theroleofcultureinelt_rahimuddin.pdf
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (Fifth Edit). SAGE Publications, Inc.
- Estaji, M., & Rahimi, A. (2018). Exploring teachers' perception of intercultural communicative competence and their practices for teaching culture in EFL classrooms. *International Journal of Society, Culture & Language*, 6(2), 1–18.
- Etikan, I., Musa, S. A., & Alkassim, R. S. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, 5(1), 1. <https://doi.org/10.11648/j.ajtas.20160501.11>
- Fantini, A., & Tirmizi, A. (2006). *Exploring and assessing intercultural competence*. World Learning Publications. http://digitalcollections.sit.edu/worldlearning_publications/1%5Cnhttp://digitalcollections.sit.edu/worldlearning_publications/1/?utm_source=digitalcollections.sit.edu/worldlearning_publications/1&utm_medium=PDF&utm_campaign=PDFCoverPages
- Fitriyah, U. (2020). Bringing students' home and foreign culture into language classroom: Unveiling Indonesian EFL teachers' belief and practices. *Journal of English for Academic and Specific Purposes*, 3(1), 20–30. <https://doi.org/10.18860/jeasp.v3i1.9770>
- Fuad Mohamed Berawi. (2017). *Metodologi penyelidikan: Panduan menulis tesis*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Gonen, S. I. K., & Saglam, S. (2012). Teaching culture in the FL classroom: Teachers' perspectives. *International Journal of Global Education*, 1(3), 26–46.
- Kidwell, T. (2021). Protectors and preparers: novice Indonesian EFL teachers' beliefs regarding teaching about culture. *Language and Intercultural Communication*, 0(0), 1–15. <https://doi.org/10.1080/14708477.2021.1913179>
- Kovács, G. (2017). Culture in language teaching: A course design for teacher trainees. *Acta Universitatis Sapientiae, Philologica*, 9(3), 73–86. <https://doi.org/10.1515/ausp-2017-0030>
- Kuo, M.-M., & Lai, C.-C. (2006). Linguistics across cultures: The impact of culture on second language learning. *Journal of Foreign Language Instruction*, 1–10. <https://eric.ed.gov/?id=ED496079>
- Mahmoud, M. M. A. (2015). Culture and English language teaching in the Arab world. *Adult Learning*, 26(2), 66–72. <https://doi.org/10.1177/1045159515573020>
- Maijala, M. (2020). Culture teaching methods in foreign language education: Pre-service teachers' reported beliefs and practices. *Innovation in Language Learning and Teaching*, 14(2), 133–149. <https://doi.org/10.1080/17501229.2018.1509981>
- Maryani, & Aguskin, L. C. (2018). University students' understanding on cultural activities in American culture class. *Lingua Cultura*, 12(2), 169–177. <https://doi.org/10.21512/lc.v12i2.4043>
- Pallant, J. (2011). *SPSS survival manual* (Fourth Edi). Allen & Unwin.

- Rangriz, S., & Harati, M. (2017). The relationship between language and culture. *Journal of Applied Linguistic and Language Research*, 4(6), 209–213. <http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=rzh&AN=105694826&site=ehost-live&scope=site>
- Shirazi, E., & Shafiee, S. (2017). Novice vs seasoned Iranian EFL teachers' beliefs and practices about intercultural communicative competence. *Journal of Applied Linguistic and Language Research*, 4(6), 272–299.